

Pola Kajian Tafsir Al-Mawdu‘iy di Malaysia

Mohd Shukri Hanapi

Abstrak

Makalah ini bertujuan meneliti pola kajian tafsir al-mawdu‘iy (tematik) yang dilakukan di institusi-institusi pengajian tinggi Islam awam terpilih di Malaysia. Pola di sini merujuk kepada bentuk, isu dan tema kajian tafsir al-mawdu‘iy. Di Malaysia, kajian tentang al-Quran secara tafsir al-mawdu‘iy ini merupakan suatu perkara baru. Ia bermula sekitar awal tahun 1990-an. Selain itu, pengkajiannya pula dilakukan dalam pelbagai bentuk, isu dan tema. Persoalannya, apakah bentuk-bentuk kajian tafsir al-mawdu‘iy di Malaysia ini? Adakah ia selari dengan bentuk-bentuk kajian tafsir al-mawdu‘iy yang tersedia ada? Apakah pula isu-isu dan tema-tema yang dikaji? Makalah ini cuba menjawab ketiga-tiga persoalan ini dengan memfokuskan perbincangan kepada dua perkara berikut. Pertama, mengenal pasti konsep tafsir al-mawdu‘iy menurut pandangan ulama tafsir. Kedua, mengenal pasti dan menganalisis bentuk-bentuk, isu-isu dan tema-tema kajian tafsir al-mawdu‘iy di Malaysia. Akhirnya makalah ini merumuskan bahawa kajian tafsir al-mawdu‘iy di Malaysia dilakukan dalam empat bentuk. Ia melibatkan pelbagai isu dan tema. Kebanyakannya sangat penting dan sesuai dengan realiti kehidupan masyarakat.

Kata Kunci: Pola; Tafsir al-Mawdu‘iy; Tafsir al-Quran

Pengenalan

Kajian al-Quran secara tafsir al-mawdu‘iy merupakan suatu perkara baru dalam bidang tafsir al-Quran. Jika di dunia ia dikatakan bermula sekitar awal tahun 1960-an (al-Masawiy 2007, 126; M. Quraish Shihab 2009, 173), di Malaysia pula kemunculannya lebih lewat dari itu, iaitu sekitar awal tahun 1990-an. Bermula dari sinilah kajian tafsir al-mawdu‘iy terus berkembang di Malaysia sehingga ke hari ini. Ia dilakukan dalam pelbagai bentuk dengan membincangkan pelbagai isu dan tema. Persoalannya apakah bentuk-bentuk kajian tafsir al-mawdu‘iy di Malaysia ini? Adakah ia selari dengan bentuk-bentuk kajian tafsir al-mawdu‘iy yang diperkenalkan oleh para ulama tafsir sebelum ini? Apakah pula isu-isu dan tema-tema yang telah dikaji setakat ini? Untuk menjawab semua persoalan ini, maka makalah ini cuba mengenal pasti dan menganalisis pola kajian tafsir al-mawdu‘iy di Malaysia. Dimaksudkan dengan pola di sini ialah bentuk, isu dan tema sesebuah kajian tafsir al-mawdu‘iy itu.

Kertas ini menumpukan kepada kajian yang dilakukan di dua buah institut pengajian tinggi Islam awam terpilih sahaja iaitu Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dan Akademi Pengajian Islam (API), Universiti Malaya (UM). Perbincangan juga hanya meneliti kajian-kajian tafsir al-mawdu‘iy yang dihasilkan di peringkat tesis Ijazah Doktor Falsafah (PhD), disertasi Ijazah Sarjana dan makalah-makalah dalam jurnal akademik sahaja. Ini kerana ketiga-tiga peringkat kajian ini merupakan kajian tafsir al-mawdu‘iy yang paling dominan di Malaysia pada ketika ini. Makalah ini juga hanya meneliti kajian-kajian tafsir al-mawdu‘iy yang dilakukan dalam lingkungan masa antara tahun 1990 hingga 2008.

Secara keseluruhannya, perbincangan dalam makalah ini terbahagi kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama membincangkan tentang konsep tafsir al-mawdu‘iy menurut pandangan para ulama tafsir. Bahagian kedua pula memuatkan analisis terhadap kajian-kajian tafsir al-mawdu‘iy di Malaysia. Ia memberi tumpuan kepada bentuk-bentuk, isu-isu dan tema-tema kajian tafsir al-mawdu‘iy yang dilakukan di Malaysia. Akhir sekali merupakan bahagian penutup dan rumusan daripada keseluruhan perbincangan dalam makalah ini.

Konsep Tafsir Al-Mawdu‘iy

Terdapat dua perkara utama yang dibincangkan berhubung konsep tafsir al-mawdu‘iy ini. Pertama ialah definisi tafsir al-mawdu‘iy, manakala kedua pula ialah bentuk-bentuk tafsir al-mawdu‘iy menurut pandangan para ulama tafsir. Perincian tentang kedua-dua perkara ini adalah seperti di bawah.

Definisi Tafsir Al-Mawdu‘iy

Istilah tafsir al-mawdu‘iy terbina daripada dua perkataan iaitu tafsir dan *mawdu‘* (al-Alma‘iy 1983, 7; al-Daghamin 1995, 13; al-Khalidiy 2001, 27). Dalam pengajian al-Quran, perkataan *al-mawdu‘iy* tidak mempunyai sebarang makna jika tidak digabung dengan perkataan tafsir, kecuali makna dari sudut bahasa sahaja iaitu tema, tajuk atau topik. Selain itu, ia juga mempunyai banyak erti lain, seperti letak, hina, dusta, palsu, rendah diri, tempat, lokasi dan situasi (al-Zawiy 1970, 623-625; Mustafa et. al. 1972, 1040; al-Khalidiy 2001, 29). Hal ini berbeza pula dengan perkataan tafsir yang mengandungi makna tersendiri dalam pengajian al-Quran meskipun tidak digabungkan dengan perkataan *al-mawdu‘iy* atau perkataan-perkataan lain (Zulkifli 2003, 28).

Misalnya, secara etimologi perkataan tafsir berasal daripada kata dasar *fasr* yang bermakna *idah* (menjelaskan), *ibanah* (menerangkan), *kasyf* (membuktakan) dan *izhar* (menyatakan) (al-Sabbuniy 1981, 61; al-Alma‘iy 1983, 7; al-Zarqaniy 1988, 3; al-Zarkasyiy 1988, 162; al-Dhababiy 1992, 15; al-Qattan 1993, 323; al-‘Akk 1994, 30). Hal ini berbeza dengan makna tafsir yang dikemukakan oleh Ibn Manzur (1994, 55) dan al-Fayruz’Abadiy (1995, 192-193) kerana ia lebih terperinci dan mendalam. Menurut mereka, perkataan *fasr* ini bermaksud mendedahkan sesuatu yang tersembunyi dan sukar difahami. Ia menepati maksud tafsir dalam al-Quran, iaitu menerangkan sesuatu lafadz yang pelik dan sukar difahami (al-Qattan 1993, 323; Ibn Manzur 1994, 55; al-‘Akk, 1994, 30).

Firman Allah s.w.t.,

وَلَا يَأْتُنَاكَ بِمَثَلٍ إِلَّا جَئْنَاكَ بِالْحَقِّ وَهُنَّ مَنْ تَفَسَّرَ بِهِ

(٣٣) Maksudnya:

Dan mereka tidak membawa kepada kamu sesuatu kata-kata yang ganjil (untuk menentang kamu) melainkan Kami bawakan kepada kamu kebenaran dan penjelasan yang sebaik-baiknya (untuk menangkis segala yang mereka katakan itu).

(al-Furqan: 33)

Meskipun perkataan tafsir ini tidak disandarkan kepada perkataan-perkataan lain, ia juga sudah mempunyai pengertian dari sudut terminologi. Misalnya, Ibn 'Asyur (1984, 11) dan al-Suyutiy (1988, 169) mendefinisikan tafsir sebagai suatu ilmu yang berfungsi menghurai dan menjelaskan makna kitab suci al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. secara umum mahupun terperinci, serta mengeluarkan hukum-hukum dan hikmah-hikmahnya. Pengertian yang sama juga diberikan oleh al-Zarqaniy (1988, 3), al-Alma'iy (1983, 7) dan al-Dhababiy (2005, 385), tetapi mereka hanya menghadkan tafsir kepada proses menghuraikan ayat-ayat al-Quran dari segi petunjuk lafaznya mengikut kehendak Allah s.w.t. sekadar kemampuan manusia.

Seterusnya definisi Ibn 'Asyur (1984, 11) dan al-Suyutiy (1988, 169) ini diperincikan pula oleh al-Zarkasyiy (1988, 163) dan al-'Akk (1994, 30) sebagai ilmu yang membicarakan tentang *nuzul* (penurunan) ayat-ayat, surah-surah, kisah-kisahnya, kemudian penyusunan ayat-ayatnya dari aspek *Makkiyyah* dan *Madaniyyah*, *muhkam* (ayat-ayat yang boleh diketahui tafsiran serta difahami maknanya) dan *mutasyabih* (ayat-ayat yang tidak boleh diketahui maknanya walau apa cara sekalipun), *nasikh* (membatalkan sesuatu hukum *syara'* dengan dalil *syara'*) dan *mansukh* (yang dibatalkan hukumnya), '*am* (umum) dan *khas* (khusus), *mutlaq* (tidak terbatas) dan *muqayyad* (terbatas) serta *mujmal* (ringkas) dan *mufassar* (jelas). Definisi ini menjelaskan antara perkara-perkara utama yang dikaji dalam tafsir.

Sebenarnya pengertian tafsir dari segi terminologi seperti yang dikemukakan oleh penulis-penulis di atas telah memadai untuk mempamerkan tentang aktiviti pentafsiran al-Quran. Namun, oleh kerana aktiviti tersebut melibatkan proses yang sistematis, maka pada waktu itu perkataan al-mawdu'iyy kembali menjadi penting. Ia akan menjelaskan tentang proses pentafsiran al-Quran itu dilakukan. Lebih-lebih lagi pentafsiran itu boleh dilakukan secara ulasan terhadap ayat-ayat al-Quran secara ayat demi ayat mengikut susunan dalam al-Quran dan tidak beralih kepada ayat yang lain kecuali setelah disempurnakan terlebih dahulu huraian terhadap sesuatu ayat tersebut (Zulkifli 2003, 29). Justeru, apabila perkataan tafsir digabungkan dengan perkataan al-mawdu'iyy ini, ia akan menjelaskan bahawa proses pentafsiran al-Quran tidak semestinya berbentuk ulasan secara ayat demi ayat sahaja, malah ia boleh berlaku dalam bentuk ulasan berdasarkan tajuk-tajuk tertentu. Ia melibatkan tajuk yang dibawa masuk atau tajuk yang disimpulkan daripada ayat-ayat al-Quran (Zulkifli 2003, 28-29).

Dari sinilah lahirnya pengertian tafsir al-mawdu'iyy secara khusus. Misalnya, Muslim (1989, 16) yang mendefinisikan tafsir al-mawdu'iyy sebagai ilmu yang mengkaji tentang sesuatu isu atau masalah berdasarkan *maqasid* (tujuan-tujuan) al-Quran. Ia dilakukan sama ada dengan mengumpul ayat-ayat al-Quran berkaitan sesuatu isu itu berdasarkan sesebuah surah atau pelbagai surah. Selain

itu, Muslim (1989, 16) juga mengemukakan definisi tafsir al-mawdu‘iy yang lain, iaitu mengumpulkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan sesuatu tema dan kemudian mentafsirkannya mengikut maqasid al-Quran.

Walau bagaimanapun, Muslim (1989) lebih cenderung menggunakan definisi yang pertama (al-Khalidiy 2001, 30). Sa‘id (1991, 20) pula mendefinisikan tafsir al-mawdu‘iy sebagai ilmu yang mengkaji tentang sesuatu isu atau masalah berdasarkan al-Quran. Ia dilakukan dengan cara mengumpulkan ayat-ayat yang berkaitan dengan masalah yang dikaji itu. Kemudian ayat-ayat tersebut diteliti berdasarkan kaedah dan syarat-syarat tertentu untuk menghuraikan makna-maknanya serta mengeluarkan konsep-konsepnya yang utuh.

Lebih mendalam dari kedua-dua definisi Muslim (1989) di atas ialah definisi yang dikemukakan oleh al-Farmawiy (1976, 18), al-Alma‘iy (1983, 7), al-Sadr (1992, 14), al-Ghazaliy (1996, 5), Sabtan (1997, 25), al-Khalidiy (2001, 29), al-Rabi‘iy (2007, 247) dan Saeed (2008, 212-213). Menurut mereka, tafsir al-mawdu‘iy bermaksud kaedah pengkajian atau pentafsiran al-Quran yang dilakukan dengan cara mengumpul ayat-ayat yang berkaitan dengan sesuatu tema atau masalah yang dikaji. Kemudian ia disusun berdasarkan urutan penurunannya serta meneliti aspek *asbab nuzul* (sebab-sebab penurunannya) dan *munasabat* (hubungan, kesesuaian dan keserasian antara ayat-ayat, topik-topik dan surah-surah al-Quran). Setelah itu, barulah ia ditafsirkan dan dianalisis menggunakan ilmu-ilmu tafsir dan ilmu-ilmu lain yang mengandungi teori-teori yang sesuai dengan masalah yang dikaji. Ini adalah untuk melahirkan konsep yang utuh dari al-Quran tentang tema atau masalah yang dikaji itu. Menurut M. Quraish Shihab (1996, xii) dan al-Khalidiy (2001, 41), oleh sebab kajian tafsir al-mawdu‘iy memfokuskan kepada ayat-ayat al-Quran yang mempunyai tema atau topik yang sama, maka ia juga dikenali dengan kaedah *al-tawhidiy* (kesatuan).

Berdasarkan perbincangan di atas, bolehlah disimpulkan bahawa tafsir al-mawdu‘iy ialah suatu bentuk huraian terhadap tajuk-tajuk atau tema-tema tertentu berkaitan persoalan kehidupan, sama ada dari aspek akidah, ibadah, politik, ekonomi, sosial dan alam semesta. Semuanya dibentangkan oleh al-Quran menerusi ayat-ayatnya, sama ada dalam sesebuah surah atau pelbagai surah. Maksud tafsir al-mawdu‘iy inilah yang akan diguna pakai dalam makalah ini.

Bentuk-Bentuk Tafsir Al-Mawdu‘iy

Berdasarkan tinjauan yang dilakukan, setiap karya berkaitan tafsir al-mawdu‘iy dihasilkan dalam bentuk-bentuk tertentu. Para ulama tafsir mempunyai pandangan yang berbeza tentang bentuk-bentuk tafsir al-mawdu‘iy. Secara keseluruhannya, ia boleh dibahagikan kepada dua kelompok.

Para ulama tafsir dalam kelompok pertama, seperti al-Farmawiy (1976, 53), al-Ghazaliy (1996, 65), Sabtan (1997, 25), dan M. Quraish Shihab (2009, 110-111) membahagikan tafsir al-mawdu‘iy kepada dua bentuk. Bentuk pertama ialah tafsir al-mawdu‘iy berdasarkan objektif atau tema sesebuah surah, yakni mengkaji keseluruhan isi kandungan sesebuah surah dan kemudian menjelaskan objektif atau tema utama yang dibincangkan di dalamnya. Di samping itu, dijelaskan juga hubungan antara satu ayat dengan ayat-ayat yang lain dan antara satu pernyataan masalah dengan pernyataan masalah yang lain sehingga

bentuk sesebuah surah tersebut mirip seperti bentuk yang sempurna dan saling melengkapi. Menurut al-Syatibiy (1975, 144), meskipun sesuatu surah dalam al-Quran mengandungi banyak persoalan, tetapi semua persoalan itu adalah berkait rapat antara satu sama lain kerana pada hakikatnya ia menunjukkan kepada satu maksud. Menurut M. Quraish Shihab (1996, xii-xiii) kebiasaannya isi kandungan sesuatu surah digambarkan oleh nama surah tersebut. Menurut Andi (2007, 129), hal ini menjadikan perbincangan dalam sesuatu surah tersebut lebih utuh, sistematik dan komprehensif.

Bentuk kedua pula ialah tafsir al-mawdu'iy berasaskan sesuatu tema atau tajuk, yakni mengkaji seluruh ayat al-Quran yang mempunyai tema atau tajuk yang sama. Ia dilakukan dengan cara menghimpun dan menyusun ayat-ayat al-Quran yang mempunyai tema atau topik yang sama, kemudian membuat huraian dan kesimpulan berdasarkan sesuatu tema yang ditetapkan itu. M. Quraish Shihab et. al. (1999, 193) menjelaskan melalui bentuk tafsir al-mawdu'iy seperti ini, para penyelidik berusaha menetapkan pandangan al-Quran yang menjurus kepada tema khusus dari pelbagai tema yang berkaitan alam dan kehidupan. Keupayaan mengaitkan antara satu ayat dengan ayat yang lain itu akan memudahkan para penyelidik membuat kesimpulan yang menyeluruh tentang sesuatu masalah menurut pandangan al-Quran.

Para ulama tafsir dalam kelompok kedua seperti Muslim (1989, 23-29), al-Khalidiy (2001, 52-59) dan Zulkifli (2003, 30-40) membahagikan tafsir al-mawdu'iy kepada tiga bentuk. Selain daripada dua bentuk tafsir al-mawdu'iy yang telah dikemukakan oleh al-Farmawiy (1976), al-Ghazaliy (1996), Sabtan (1997), dan M. Quraish Shihab (2009), masih ada satu lagi bentuk tafsir al-mawdu'iy, iaitu pentafsiran yang berasaskan kepada istilah-istilah yang mempunyai persamaan. Dalam hal ini, seorang pentafsir akan menelusuri, mencari dan menghimpun perkataan-perkataan pada ayat-ayat al-Quran yang mempunyai persamaan, baik dari segi bentuk atau perkataan-perkataan yang menjadi terbitan daripada ayat-ayat yang sama dalam satu tajuk. Selanjutnya perkataan tersebut akan dikaji satu persatu dari pelbagai aspek, kemudian membuat pentafsiran dan beberapa kesimpulan.

Meskipun al-Farmawiy (1976), Sabtan (1997), dan M. Quraish Shihab (1999) hanya membahagikan tafsir al-mawdu'iy kepada dua bentuk, namun ia tidak bermaksud menolak bentuk tafsir al-mawdu'iy yang ketiga seperti yang diketengahkan oleh Muslim (1989, 23-29), al-Khalidiy (2001, 52-59) dan Zulkifli (2003, 30-40). Sebenarnya bagi mereka bentuk tafsir al-mawdu'iy yang ketiga, iaitu yang berasaskan kepada istilah-istilah yang mempunyai persamaan dalam al-Quran telah dirangkumkan dalam bentuk tafsir al-mawdu'iy yang kedua, iaitu tafsir al-mawdu'iy berasaskan sesuatu tema atau tajuk dalam al-Quran.

Walau bagaimanapun, Muslim (1989), al-Khalidiy (2001) dan Zulkifli (2003) bertindak memisahkan tafsir al-mawdu'iy yang berbentuk sesuatu istilah itu daripada tafsir al-mawdu'iy yang berbentuk sesuatu tema atau tajuk. Tafsir al-mawdu'iy sesuatu istilah atau perkataan lebih menekankan kepada istilah-istilah tertentu yang mempunyai persamaan dalam al-Quran, manakala tafsir al-mawdu'iy sesuatu tema lebih menekankan kepada ayat-ayat al-Quran yang mempunyai persamaan dari segi makna sahaja. Lagipun, dengan membahagikan tafsir al-mawdu'iy itu kepada tiga bentuk, dapat menjadikannya lebih jelas, terfokus dan sistematik.

Berdasarkan kepada ketiga-tiga bentuk kajian tafsir al-mawdu'iy ini, Muslim (1989, 27) dan Zulkifli (2003, 37) menyatakan tafsir al-mawdu'iy yang berasaskan kepada sesuatu tema atau tajuk lebih terkenal dan hampir mewakili keseluruhan zaman pertumbuhan tafsir al-mawdu'iy. Ini kerana apabila disebut tafsir al-mawdu'iy, kebanyakan orang lebih merujuk kepada bentuk yang kedua ini. Hujah ini diperkuuhkan oleh al-Daghamin (1995, 14-15) yang mengatakan tafsir al-mawdu'iy bentuk pertama dan ketiga bukan tafsir al-mawdu'iy yang hakiki. Tafsir al-mawdu'iy bentuk pertama mempunyai skop perbahasan yang sempit dan hanya berlegar dalam sesebuah surah sahaja. Bagi tafsir al-mawdu'iy bentuk ketiga pula, tidak semua perkara yang ingin dikaji berdasarkan al-Quran itu mempunyai istilah khusus tentangnya dalam al-Quran. Kadangkala sesuatu istilah itu hanya disebut sekali, seperti istilah *masah* (ubah) (Yasin, 36,67), *masad* (sabut) (al-Masad, 111,5) dan *amsyaj* (bercampur) (al-Insan, 76,2). Hal ini menunjukkan tafsir al-mawdu'iy yang ketiga ini terhad kepada kewujudan istilah yang mempunyai persamaan dalam al-Quran, sedangkan terdapat banyak perkara yang tidak mempunyai istilah khusus mengenainya dalam al-Quran, seperti perihal tasawur pembangunan dan ekonomi politik. Jelas di sini bahawa tafsir al-mawdu'iy yang hakiki ialah tafsir al-mawdu'iy bentuk yang kedua, yakni pentafsiran yang berasaskan sesuatu tema dalam al-Quran.

Bagi menjelaskan lagi sama ada sesuatu bentuk tafsir al-mawdu'iy itu termasuk atau tidak dalam tafsir al-mawdu'iy yang hakiki, maka Sa'id (1991, 24-26) membahagikan tafsir al-mawdu'iy ini kepada dua bentuk sahaja. Namun ia berbeza dengan pembahagian yang dibuat oleh penulis-penulis sebelum ini. Pembahagian Sa'id (1991) itu dibuat dari aspek *al-rabit* (hubungan) antara ayat-ayat yang dikaji. Jadi bentuk tafsir al-mawdu'iy mengikut Sa'id (1991, 24-26) ialah *al-mawdu'iy al-'am* (umum) dan *al-mawdu'iy al-khas* (khusus).

Tafsir al-mawdu'iy al-'am ialah mengkaji ayat-ayat al-Quran yang mempunyai persamaan tema dari segi matlamatnya sahaja (Sa'id 1991, 24). Meskipun begitu, al-mawdu'iy (tema) ayat yang ditetapkan itu jelas terdapat dalam al-Quran, namun di bawahnya terdapat tajuk-tajuk kecil yang lain. Misalnya, kajian tentang ayat-ayat hukum dalam al-Quran. Perkara yang dikaji itu nampak terlalu umum. Di dalamnya terdapat ayat-ayat hukum tentang solat, puasa, zakat, haji, jihad dan sebagainya. Walaupun terdapat ayat-ayat tentang hukum pelbagai perkara, namun dalam hal ini ia mempunyai matlamat yang sama, iaitu untuk mengkaji aspek hukum. Mengikut Sa'id (1991, 25) tafsir al-mawdu'iy al-'am ini bukan tafsir al-mawdu'iy yang hakiki. Ia sekadar kajian al-Quran yang berbentuk umum. Manakala tafsir al-mawdu'iy al-khas pula ialah mengkaji ayat-ayat al-Quran yang mempunyai persamaan tema dari segi makna dan matlamatnya (Sa'id 1991, 25). Misalnya, kajian tentang tasawur pembangunan dalam al-Quran. Meskipun terdapat banyak ayat al-Quran berkaitan tasawur pembangunan, namun ia mempunyai makna dan matlamat yang sama.

Berdasarkan perbincangan tentang bentuk-bentuk tafsir al-mawdu'iy menurut pandangan para ulama tafsir ini, maka dapat dirumuskan satu pembahagian tafsir al-mawdu'iy yang lebih komprehensif. Pertama ialah tafsir al-mawdu'iy yang berasaskan kepada istilah-istilah yang mempunyai persamaan, sama ada secara umum dan khusus. Kedua ialah tafsir al-mawdu'iy sesuatu tema atau tajuk dalam al-Quran, sama ada secara umum dan khusus. Ketiga ialah tafsir al-mawdu'iy sesuatu surah al-Quran, sama ada secara umum dan khusus.

Pola Kajian Tafsir Al-Mawdu'Iy di Malaysia

Seperti yang telah dijelaskan di bahagian sebelumnya, objektif utama makalah ini ialah untuk mengenal pasti dan menganalisis pola kajian-kajian tafsir al-mawdu'iy di Malaysia. Secara keseluruhan, kajian-kajian awal tentang al-Quran secara tafsir al-mawdu'iy ini boleh dibahagikan kepada dua bentuk. Bentuk pertama ialah kajian yang berasaskan tema atau objektif sesebuah surah, manakala bentuk kedua pula ialah kajian yang berasaskan sesuatu istilah dalam al-Quran. Daripada pengkajian al-Quran secara tafsir al-mawdu'iy oleh para ulama tafsir ini, tercetuslah idea sebilangan pengkaji al-Quran di Malaysia. Mereka mula meneroka kajian tentang al-Quran secara tafsir al-mawdu'iy. Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, pengkajian tentang al-Quran secara tafsir al-mawdu'iy di Malaysia telah bermula sekitar awal tahun 1990-an. Secara keseluruhannya, ia dibahagikan kepada empat bentuk. Pertama, berasaskan kepada istilah-istilah yang mempunyai persamaan. Kedua, berasaskan kepada tema-tema atau tajuk-tajuk tertentu dalam al-Quran. Ketiga, berasaskan tema atau objektif sesebuah surah. Keempat, berasaskan tema dalam al-Quran dan Hadis (gabungan). Perincian keempat-empat bentuk kajian tafsir al-mawdu'iy di Malaysia ini adalah seperti di bawah.

Tafsir Al-Mawdu'iy Berasaskan Sesuatu Istilah

Kajian tentang al-Quran di Malaysia berasaskan kepada istilah-istilah yang mempunyai persamaan merupakan bentuk kajian tafsir al-mawdu'iy yang pertama. Setakat yang ditemui, diakui ia banyak dihasilkan. Ini sebagaimana yang digambarkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1. Bilangan Kajian Tafsir Al-Mawdu'iy Berasaskan Sesuatu Istilah Mengikut Isu, Peringkat Kajian dan Institusi

Isu / Bidang dan Pengkaji (Tahun)	Peringkat Kajian			Institusi	
	Tesis Ph.D	Disertasi Sarjana	Jurnal	FPI	API
Akidah					
- Wan Zailan Wan Kamaruddin (1990)		✓			✓
Ibadah					
- Mohd. Arifkham Abdul Rahman (2005)		✓			✓
Akhlik					
- Muhd. Najib Abdul Kadir (2002)			✓	✓	
Jihad					
- Mubarak (2002)	✓		✓		
- Masruhan Kyai Choteb (2006)	✓				✓
- Zulkifli Mohd Yusoff & Fikri Mahmud (2004)		✓	✓		

Gaya Bahasa Al-Quran

- Zahidan Abd. Wahab (2004)	✓	✓
- Deddy Ilyas (2006)	✓	✓
- Shukriah Che Kasim (2007)	✓	✓

Kemanusiaan

- Hamdi Ishak (2004)	✓	✓
- Zyoud (2008)	✓	✓

Kemasyarakatan

- Abd. Wahid (2006)	✓	✓
---------------------	---	---

Kepimpinan

- Abu Zaki Ismail (2002)	✓	✓
- Rohayati Nordin (2003)	✓	✓

Jumlah

1	11	2	6	8
---	----	---	---	----------

Jadual 1 menggambarkan kajian al-Quran secara tafsir al-mawdu‘iy yang berdasarkan sesuatu istilah tertentu. Ia merangkumi pelbagai isu dan tema. Antaranya ialah isu akidah, misalnya kajian Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali (1990) tentang *al-nubuwah* (kenabian); isu ibadah, misalnya kajian Mohd. Arifkham Abdul Rahman (2005) tentang doa; isu akhlak, misalnya kajian Muhd. Najib Abdul Kadir (2002) tentang kezaliman manusia; isu jihad, misalnya kajian Mubarok (2002) dan Masruhan Kyai Choteb (2006) tentang konsep jihad, dan kajian Zulkifli Mohd Yusoff & Fikri Mahmud (2004) tentang prinsip jihad; dan isu gaya bahasa al-Quran, misalnya kajian Zahidan Abd. Wahab (2004) tentang maksud angka tujuh yang tercatat dalam al-Quran, kajian Deddy Ilyas (2006) tentang keunikan penggunaan perkataan *al-insan* (manusia), dan kajian Shukriah Che Kasim (2007) tentang keunikan penggunaan perkataan zikir dari sudut *al-balaghah* (retorika).

Seterusnya, turut dikaji juga tentang isu kemanusiaan, misalnya kajian Hamdi Ishak (2004) tentang dua sifat manusia, yakni pekak dan bisu; dan kajian Zyoud (2008) tentang *al-falah* (kejayaan); isu kemasyarakatan, misalnya kajian Abd. Wahid (2006) tentang hamba abdi; dan isu kepimpinan, misalnya kajian Abu Zaki Ismail (2002) tentang sistem Khalifah Islam dan kajian Rohayati Nordin (2003) tentang konsep *awliya'* (kepimpinan). Semua kajian yang disenaraikan ini sudah memadai untuk membuktikan tentang kewujudan kajian al-Quran secara tafsir al-mawdu‘iy yang berbentuk sesuatu istilah di Malaysia.

Tafsir Al-Mawdu‘iy Berasaskan Sesuatu Tema

Kajian tentang al-Quran di Malaysia yang berdasarkan kepada tema-tema atau tajuk-tajuk tertentu pula, merupakan bentuk tafsir al-mawdu‘iy yang kedua. Setakat yang ditemui, didapati ia juga cukup banyak dihasilkan. Ini sebagaimana yang digambarkan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2. Bilangan Kajian Tafsir Al-Mawdu'Iy Berdasarkan Sesuatu Tema Mengikut Isu, Peringkat Kajian dan Institusi

Isu / Bidang dan Pengkaji (Tahun)	Peringkat Kajian		Institusi		
	Tesis Ph.D	Disertasi Sarjana	Jurnal	FPI	API
Akidah					
- Ahmad Kamel Muhamed (1998)	✓			✓	
- Syed Abdurahman Syed Hussin (2005)			✓		✓
- Najihah Abd. Rahman (2006)	✓			✓	
- Nurjannah Achmad (2008)	✓				✓
Ibadah					
- Muhammad Ulin Nuha (2008)		✓			✓
Akhlik					
- Norlida Yusof (2000)	✓			✓	
- Hasbullah (2005)	✓			✓	
Dakwah					
- Mahsor Yahya (1998)	✓			✓	
- Ramzan Hassan Zaini (2003)	✓				✓
- Wan Akashah Wan Abdul Hamid (2003)	✓			✓	
- Ahmad Puaad Abd. Rahman (2004)	✓				✓
Sejarah					
- Arpandi Ismail (2001)	✓			✓	
- Saniyah Abdullah (2002)	✓			✓	
- Wan Termizi Wan Mohamad (2002)	✓			✓	
- Ridwan Madeng (2004)	✓			✓	
- Nabiroh Kassim (2006)	✓				✓
Gaya Bahasa Al-Quran					
- Muhd. Najib Abdul Kadir (1998)	✓			✓	
- Zainal Abidin Mohamad (2002)	✓			✓	
- Mikdar Rusdi (2003)	✓			✓	
- Mohd Sukki Othman (2004)	✓			✓	
- Mubarak (2007)	✓			✓	
Kekeluargaan					
- Rukiah Mohamad (1995)		✓			✓

Kemasyarakatan

- | | | | |
|---------------------------|---|---|---|
| - Syarbini Tanjung (2000) | ✓ | ✓ | |
| - Zedan (2007) | ✓ | | ✓ |

Ilmu

- | | | |
|---------------------------|---|---|
| - Marzukai Ibrahim (1994) | ✓ | ✓ |
|---------------------------|---|---|

Pembangunan

- | | | |
|-----------------------------------|---|---|
| - Fathiyah Mohd Fakhruddin (2002) | ✓ | ✓ |
| - Zulkifli Mohd Yusoff (2003) | ✓ | ✓ |

Kesihatan

- | | | |
|-----------------------------|---|---|
| - Monika Abd. Razzak (2003) | ✓ | ✓ |
|-----------------------------|---|---|

Ijtihad

- | | | |
|------------------------------|---|---|
| - Latifah Abdul Majid (1998) | ✓ | ✓ |
|------------------------------|---|---|

Jumlah

1	27	2	18	12
----------	-----------	----------	-----------	-----------

Jadual 2 ini menggambarkan kajian al-Quran secara tafsir al-mawdu'iy yang berasaskan sesuatu tema atau tajuk. Ia merangkumi pelbagai isu dan tema, antaranya ialah isu akidah, misalnya kajian Ahmad Kamel (1998) tentang hukuman-hukuman dunia, kajian Syed Abdurrahman (2005) tentang keesaan Allah s.w.t. dalam penciptaan langit dan bumi, kajian Najihah (2006) tentang bentuk-bentuk ujian dalam kehidupan, dan kajian Nurjannah (2008) tentang kufur nikmat; isu ibadah, misalnya kajian-kajian Muhammad Ulin (2008) tentang hubungkait antara ibadah solat dan zakat; isu akhlak, misalnya kajian Norlida (2000) tentang kaedah mengatasi gejala sosial dan kajian Hasbullah (2005) tentang penyucian jiwa; dan isu dakwah, misalnya kajian Mahsor (1998) tentang metodologi *al-jadal* (perdebatan), kajian Ramzan (2003) tentang konsep *amr ma'ruf nahi munkar* (menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran), kajian Wan Akashah (2003) tentang pendekatan *al-jadal* dalam dakwah Nabi Ibrahim a.h., dan kajian Ahmad Puaad (2004) tentang konsep *islah* (perdamaian).

Tema yang sering dikaji juga ialah berkaitan isu sejarah, misalnya kajian 'Abd al-Qadir (2000) tentang kisah Nabi Musa a.h., kajian Arpandi (2001) tentang kisah Nabi Nuh a.h., kajian Saniyah (2002) tentang kisah dakwah Nabi Ibrahim a.h., kajian Wan Termizi (2002) tentang kisah Firaun dan Bani Isra'il, kajian Ridwan (2004) tentang kisah Nabi Hud a.h., dan kajian Nabiroh (2006) tentang kisah Nabi Musa a.h. dan Firaun; dan isu gaya bahasa al-Quran, misalnya kajian Muhd. Najib (1998) tentang perumpamaan golongan munafik, kajian Zainal Abidin (2002) tentang perumpamaan golongan kafir dan ahli kitab, kajian Mikdar (2003) tentang konotasi angka-angka yang disebut dalam al-Quran, kajian Mohd Sukki (2004) tentang perumpamaan yang jelas mengenai manusia dan kajian Mubarak (2007) tentang aspek al-balaghah ayat-ayat jihad.

Di samping itu, turut dikaji tentang isu kekeluargaan, misalnya kajian Rukiah (1995) tentang pendidikan keluarga Islam; isu kemasyarakatan, misalnya

kajian Syarbini (2000) tentang konsep kemajuan masyarakat dan kajian Zedan (2007) tentang ketamadunan; isu ilmu, misalnya kajian Marzukai (1994) tentang budaya ilmu; isu pembangunan, misalnya kajian Fathiyah (2002) tentang pembangunan akhlak remaja dan kajian Zulkifli (2003) tentang pembangunan ummah; dan isu kesihatan, misalnya kajian Monika (2003) tentang gaya hidup sihat.

Kajian-kajian yang dikemukakan ini membuktikan kewujudan kajian al-Quran secara tafsir secara al-mawdu'iyy yang berasaskan sesuatu tema di Malaysia. Daripada keempat-empat bentuk kajian tafsir al-mawdu'iyy di Malaysia, bentuk yang kedua paling banyak dikaji.

Tafsir Al-Mawdu'iyy Berasaskan Tema Sesebuah Surah

Kajian tentang al-Quran di Malaysia yang berasaskan tema atau objektif sesebuah surah pula merupakan bentuk tafsir al-mawdu'iyy yang ketiga. Ini sebagaimana yang digambarkan dalam Jadual 3.

Jadual 3. Bilangan Kajian Tafsir Al-Mawdu'iyy Berasaskan Tema/Objektif Sesebuah Surah Mengikut Isu, Peringkat Kajian dan Institusi

Isu / Bidang dan Pengkaji (Tahun)	Peringkat Kajian			Institusi	
	Tesis Ph.D	Disertasi Sarjana	Jurnal	FPI	API
Ibadah					
- Tal (2001)		✓		✓	
Akhlik					
- Najmiah Omar (2008)	✓			✓	
- Asep Dandan Wildan (2003)	✓			✓	
- Arifah Ayub (2005)	✓			✓	
Dakwah					
- Muhammad Lukman Ibrahim (2003)	✓			✓	
Gaya Bahasa Al-Quran					
- Ismail Muhammad (1996)	✓			✓	
- Sarifah Hamadiah Syed Husin (1997)	✓			✓	
- Wan Nasyrudin Wan Abdullah (2002)	✓			✓	
- Nor Raudah Siren et. al. (2002)			✓		✓
- Zamzam Atirah Md. Zin (2004)	✓			✓	
- Anwar Jalaludin (2004)	✓			✓	
Kemasyarakatan					
- Usman Muhid (2008)	✓			✓	
Kepimpinan					
- Tri Handayani (2005)	✓			✓	

Hal Ehwal Kewanitaan

- | | | |
|--------------------------------|---|---|
| - Hajarul Bahti Zakaria (2006) | ✓ | ✓ |
|--------------------------------|---|---|

Pendidikan

- | | | |
|----------------------------|---|---|
| - R. Muhammad Zaini (2005) | ✓ | ✓ |
|----------------------------|---|---|

Pembangunan

- | | | |
|-------------------------|---|---|
| - Nurullah Kurt (1997) | ✓ | ✓ |
| - Jazilah Mansor (2004) | ✓ | ✓ |

Ekonomi

- | | | |
|-------------------|---|---|
| - Muhammad (2004) | ✓ | ✓ |
|-------------------|---|---|

Jumlah	1	16	1	7	11
---------------	----------	-----------	----------	----------	-----------

Jadual 3 menggambarkan kajian al-Quran secara tafsir al-mawdu'iy yang berdasarkan tema sesebuah surah. Pengkajiannya merangkumi pelbagai isu, antaranya ialah isu ibadah, misalnya kajian Tal (2001) tentang kaedah-kaedah pelaksanaan ibadah dalam Surah al-Baqarah dan al-Nisa'; isu akhlak, misalnya kajian Najmiah (2004) tentang konsep pembaziran dalam Surah al-Isra', kajian Asep Dandan (2003) tentang prinsip-prinsip komunikasi dalam Surah al-Hujurat, dan kajian Arifah (2005) tentang pendekatan mengatasi gejala sumbang mahram dalam Surah al-Nur; dan isu dakwah, misalnya kajian Muhammad Lukman (2003) tentang dakwah terhadap golongan munafik dalam Surah al-Taubah.

Seterusnya, terdapat juga kajian berkaitan isu gaya bahasa al-Quran, misalnya kajian Ismail (1996) tentang *asalib al-insya'* (gaya bahasa penceritaan) dalam Surah Yusuf dan al-Kahfi, kajian Sarifah Hamadiah (1997) tentang kata nama nominatif dalam Surah al-Baqarah, kajian Wan Nasyrudin (2002) tentang *uslub al-tanbih* (gaya bahasa peringatan) dalam Surah al-Baqarah, kajian Nor Raudah & Faridah (2003) tentang aspek retorik dalam Surah al-Ra'd, kajian Zamzam Atirah (2004) tentang *al-amthal* (perumpamaan) dalam Surah al-Nahl dan kajian Anwar (2004) tentang *uslub al-jinas* (gaya bahasa yang mempunyai persamaan lafadz tetapi berbeza makna) dalam *Juz' Amma*; isu kemasyarakatan, misalnya kajian Usman (2008) tentang prinsip toleransi beragama dalam Surah al-Mumtahinah; isu kepimpinan, misalnya kajian Tri Handayani (2005) tentang kepimpinan dalam Surah al-Nisa'; isu hal ehwal kewanitaan, misalnya kajian Hajarul Bahti Zakaria (2006) tentang isu-isu wanita dalam Surah al-Nisa'; isu pendidikan, misalnya kajian R. Muhammad Zaini (2005) yang mengkaji tentang pendidikan Islam dalam Surah al-Nur dan Surah al-'Alaq; isu pembangunan, misalnya kajian Nurullah (1997) tentang kaedah pembangunan manusia dalam Surah al-Nisa' dan kajian Jazilah (2004) tentang kaedah pembangunan kekeluargaan Islam dalam Surah al-Nisa'; dan isu ekonomi, misalnya kajian Muhammad (2004) tentang daya usaha mencari sumber penghidupan dalam Surah al-Ma'idah.

Kajian-kajian yang dikemukakan ini membuktikan tentang kewujudan kajian al-Quran secara tafsir al-mawdu'iy yang berdasarkan sesuatu tema dalam sesebuah surah di Malaysia. Kajian tafsir al-mawdu'iy bentuk yang ketiga ini

adalah yang kedua banyak dikaji selepas kajian tafsir *al-mawdu'iyy* bentuk yang kedua (berasaskan sesuatu tema).

Tafsir Al-Mawdu'iyy Berasaskan Sesuatu Tema dalam Al-Quran dan Hadis (Gabungan)

Kajian tentang isu-isu kehidupan di Malaysia yang dibuat berdasarkan al-Quran dan hadis merupakan bentuk kajian tafsir *al-mawdu'iyy* yang keempat. Dalam perkataan lain, sesuatu kajian yang fokus perbincangannya merangkumi al-Quran dan hadis. Ini sebagaimana yang digambarkan dalam Jadual 4 di bawah.

Jadual 4. Bilangan Kajian Tafsir Al-Mawdu'iyy Berasaskan Sesuatu Tema dalam Al-Quran dan Hadis Mengikut Isu, Peringkat Kajian dan Institusi

Isu / Bidang dan Pengkaji (Tahun)	Peringkat Kajian			Institusi	
	Tesis Ph.D	Disertasi Sarjana	Jurnal	FPI	API
Akidah					
- Ahmed Kilani Mohamed (1991)	✓			✓	
- Faisal Ahmad Shah (2000)	✓			✓	
Ibadah					
- Salihah Abdullah (2005)	✓			✓	
- Ahmad Sharafi (2007)	✓				✓
Jihad					
- Fikri Mahmud (2007)	✓				✓
Gaya Bahasa					
- Mohd Sukki Othman (2001)			✓		✓
Kemasyarakatan					
- Syed Abdurahman Syed Hussin (2007)			✓		✓
- Al-Khatib (2007)			✓		
Pendidikan					
- Dzulkefli Mamat (1996)	✓			✓	
- Muafah Sayed (2003)	✓			✓	
Politik					
- Rushdan Abdul Halim (2008)	✓			✓	
Jumlah	0	8	3	6	4

Jadual 4 menggambarkan kajian tafsir al-mawdu‘iy yang berdasarkan sesuatu tema dalam al-Quran dan hadis. Sebagaimana juga kajian-kajian tafsir al-mawdu‘iy sebelum ini, pengkajiannya merangkumi pelbagai isu, antaranya ialah isu akidah, misalnya kajian Ahmed Kilani (1991) tentang hubungan jin (perkara ghaib) dengan manusia dan kajian Faisal (2000) tentang konsep ujian dan cara menghadapinya; isu ibadah, misalnya kajian Salihah (2005) tentang *al-tabarruj* (menampakkan perhiasan) dan kajian Ahmad Sharafi (2007) halal haram haiwan; isu jihad, misalnya kajian Fikri (2007) tentang konsep jihad; isu gaya bahasa al-Quran, misalnya kajian Mohd Sukki (2001) tentang penggunaan *al-mathal al-sarih* (perumpamaan yang jelas) mengenai manusia; isu kemasyarakatan, misalnya kajian Syed Abdurahman (2007) tentang faktor-faktor keruntuhannya masyarakat dan kajian al-Khatib (2007) tentang maksud keamanan dan realitinya pada era Mekah; isu pendidikan, misalnya kajian Dzulkefli (1996) tentang pendidikan golongan remaja dan kajian Muafah (2003) tentang pendidikan akidah; dan isu politik, misalnya kajian Rushdan (2008) tentang kerjasama politik dengan golongan bukan Islam.

Sebenarnya kajian tafsir al-mawdu‘iy yang berbentuk gabungan ini (al-Quran dan hadis) tidak dinyatakan dalam bentuk-bentuk kajian tafsir al-mawdu‘iy yang diketengahkan oleh para ulama tafsir sebelum ini. Walau bagaimanapun, kajian tafsir al-mawdu‘iy bentuk keempat ini pernah dilakukan oleh Sayyid Tantawi menerusi kajiannya yang berjudul *Banu Isra’il fi al-Quran wa al-Sunnah* pada tahun 1969 di Universiti al-Azhar, Mesir. Oleh itu, ia termasuk dalam bentuk kajian tafsir al-mawdu‘iy, namun bukan secara hakiki. Ini kerana ia menggabungkan kajian tafsir al-mawdu‘iy dengan hadis al-mawdu‘iy secara serentak. Sebaik-baiknya dipisahkan antara kajian tafsir al-mawdu‘iy dengan dengan kajian hadis al-mawdu‘iy. Ini bagi membolehkan sesuatu perbincangan dalam al-Quran atau hadis itu dibuat secara lebih terperinci dan mendalam.

Analisis Isu dan Tema Kajian Tafsir Al-Mawdu‘iy di Malaysia

Berdasarkan perbincangan tentang bentuk-bentuk kajian tafsir al-mawdu‘iy di Malaysia sebelum ini, didapati pelbagai isu dan tema telah dikaji sebagaimana yang digambarkan dalam Jadual 5.

Jadual 5. Isu dan Tema yang Dikaji Dalam Kajian Tafsir Al-Mawdu‘iy di Malaysia

Bil.	Isu/Bidang	Tema/Topik
1.	Akidah	<ul style="list-style-type: none">- Kenabian- Ketentuan hukuman-hukuman Allah di dunia- Keesaan Allah dalam penciptaan langit dan bumi- Bentuk-bentuk ujian dalam kehidupan- Kufur nikmat- Hubungan jin dengan manusia- Konsep ujian dan cara menghadapinya

2. Ibadah
 - Doa
 - Hubungan antara ibadah solat dan zakat
 - Kaedah pelaksanaan ibadah dalam Surah al-Baqarah dan al-Nisa'
 - *Al-tabarruj*
 - Halal haram haiwan
3. Akhlak
 - Kezaliman manusia
 - Kaedah mengatasi gejala sosial
 - Penyucian jiwa
 - Konsep pembaziran dalam Surah al-Isra'
 - Prinsip-prinsip komunikasi dalam Surah al-Hujurat
 - Pendekatan mengatasi gejala sumbang mahram dalam Surah al-Nur
4. Dakwah
 - Metodologi *al-jadal*
 - Konsep *amr ma'ruf nahi munkar*
 - Pendekatan berdebat dalam dakwah Nabi Ibrahim a.h.
 - Konsep *islah*
 - Dakwah kepada golongan munafik dalam Surah al-Tawbah
5. Jihad
 - Konsep dan prinsip jihad
6. Sejarah
 - Kisah Nabi Musa a.h. dan Fir'awn
 - Kisah Nabi Nuh a.h.
 - Kisah Dakwah Nabi Ibrahim a.h.
 - Kisah Fir'awn dan Bani Isra'il
 - Kisah Nabi Hud a.h.
7. Gaya Bahasa Al-Quran
 - Maksud angka tujuh
 - Penggunaan perkataan *insan*
 - Keunikan penggunaan perkataan zikir dari sudut *al-balaghah*
 - Perumpamaan tentang golongan munafik
 - Perumpamaan golongan kafir dan Ahli Kitab
 - Konotasi angka-angka yang disebut dalam al-Quran
 - Aspek *al-balaghah* ayat jihad
 - Perumpamaan mengenai manusia
 - *Asalib al-insya'* dalam Surah Yusuf dan al-Kahfi
 - Kata nama nomatif dalam Surah al-Baqarah
 - *Uslub al-tanbih* dalam Surah al-Baqarah

		- Aspek retorik dalam Surah al-Ra'd
		- Perumpamaan dalam Surah al-Nahl
		- <i>Uslub al-jinas</i> dalam <i>Juz' Amma</i> .
		- Penggunaan <i>al-mathal al-sarih</i>
8.	Kemanusiaan	- Sifat manusia, iaitu pekak dan bisu
		- Al-falah
9.	Kekeluargaan	- Pendidikan keluarga Islam
10.	Kemasyarakatan	- Hamba abdi
		- Konsep kemajuan masyarakat
		- Aspek ketamadunan
		- Prinsip toleransi beragama dalam Surah al-Mumtahinah
		- Faktor-faktor keruntuhan masyarakat
		- Keamanan
11.	Kepimpinan	- Khalifah Islam
		- Konsep kepimpinan
		- Aspek kepimpinan dalam Surah al-Nisa'
12.	Hal Ehwal Kewanitaan	- Isu-isu wanita dalam Surah al-Nisa'
13.	Ilmu	- Budaya ilmu
14.	Pendidikan	- Pendidikan Islam dalam Surah al-Nur dan al-'Alaq
		- Pendidikan golongan remaja
		- Pendidikan akidah
15.	Pembangunan	- Pembangunan akhlak remaja
		- Pembangunan ummah
		- Pembangunan manusia dalam Surah al-Nisa'
		- Kaedah pembangunan kekeluargaan Islam dalam Surah al-Nisa'
16.	Ekonomi	- Usaha mencari sumber penghidupan dalam Surah al-Ma'idah
17.	Kesihatan	- Gaya hidup sihat
18.	Politik	- Kerjasama politik dengan golongan bukan Islam

Jadual 5 menggambarkan tentang pelbagai isu dan tema yang telah dikaji dalam kajian tafsir al-mawdu'iyy di Malaysia. Berdasarkan isu-isu dan tema-tema yang dikaji ini, secara umumnya dapat dirumuskan dua perkara penting. Pertama, al-Quran telah menyediakan kerangka konsep dalam menyelesaikan segala masalah yang dihadapi oleh umat Islam pada masa kini (al-Farmawiyy 1976, 6; al-Khalidiyy 2001, 49). Kedua, segala petunjuk dan peraturan yang terkandung dalam al-Quran

itu pula bersifat *al-waqi'* (realiti) dan selari dengan kehidupan semasa (al-Khalidiy, 2001, 49). Secara tidak langsung hal ini mempamerkan bahawa segala ajaran yang terkandung dalam al-Quran itu ada hubung kait dengan perkara-perkara yang dialami oleh seseorang individu dan masyarakat dalam kehidupan mereka.

Oleh itu, jelaslah bahawa isu-isu dan tema-tema yang dikaji secara khusus dalam kajian tafsir al-mawdu'iy di Malaysia ini adalah cukup penting, terutama dalam menyelesaikan segala masalah yang berlaku dalam masyarakat. Antara kepentingannya ialah dapat memperkasakan akidah umat Islam; menjelaskan tentang konsep ibadah khusus dan umum dalam Islam; menerapkan akhlak *mahmudah* (mulia) dan menghapuskan akhlak *mazmumah* (keji); mengajar kaedah berdakwah yang betul dan berkesan; membetulkan kekeliruan umat Islam tentang isu jihad; menjadikan kisah-kisah para Nabi dan Rasul yang tercatat dalam al-Quran sebagai iktibar dan panduan hidup; mempamerkan keagungan al-Quran, khususnya menerusi kajian-kajian tentang aspek gaya bahasa yang diguna pakai dalam al-Quran; menjelaskan tentang sifat dan matlamat hidup manusia; membina keluarga bahagia dan harmoni; membentuk masyarakat yang aman dan harmoni; memperkenalkan sistem kepimpinan Islam; memahamkan kaum wanita Islam berhubung hal-hal yang berkaitan dengan kehidupan mereka berdasarkan al-Quran; membentuk masyarakat yang cintakan ilmu pengetahuan; memantapkan sistem pendidikan Islam; menjelaskan tentang proses pembangunan rohani dan jasmani manusia; memotivasi umat Islam agar sentiasa berusaha mencari sumber penghidupan; memperkenalkan gaya hidup sihat; dan tatacara menjalin kerjasama politik dengan golongan bukan Islam.

Sebenarnya kajian tentang isu-isu dan tema-tema dalam al-Quran secara tafsir al-mawdu'iy itu bukan setakat penting, malah ia sesuai dengan realiti kehidupan semasa umat Islam. Ini sebagaimana yang cuba digambarkan dalam Jadual 6 di bawah.

Jadual 6. Kesesuaian Antara Tema Kajian Dengan Realiti Kehidupan Masyarakat

Bil.	Masalah	Tema Kajian	Isu/Bidang
1	Bencana alam, seperti banjir, ribut, tanah runtuh dll.	- Bentuk-bentuk ujian, konsep ujian dan cara menghadapinya.	- Akidah
2	Cara berpakaian wanita yang tidak menepati <i>syara'</i>	- Al-tabarruj	- Ibadah
3	Gejala sosial, seperti menagih dadah, merompak, mencuri, meragut, sumbang mahram, merogol, zina, mencabul kehormatan dan pembuangan bayi dalam masyarakat	- Kezaliman - Kaedah mengatasi gejala sosial - Kaedah mengatasi sumbang mahram dalam Surah al-Nur - Pembangunan ummah	- Akhlak - Pembangunan

- | | | | |
|----|--|--|---------------------------------|
| 4 | Penyakit jiwa, seperti dengki, dendam, riya', sombong dalam diri seseorang | - Kaedah penyucian jiwa | - Akhlak |
| 5 | Pembaziran air, elektrik dan makanan dalam kehidupan | - Konsep pembaziran | - Akhlak |
| 6 | Rendahnya nilai berbudi bahasa dalam pergaulan | - Konsep komunikasi | - Akhlak |
| 7 | Merendah-rendahkan keagungan al-Quran | - Bentuk-bentuk gaya bahasa dalam al-Quran | - Gaya bahasa al-Quran |
| 8 | Ketiadaan seni dalam menyampaikan dakwah Islam | - Kaedah perdebatan
- Kaedah berdakwah kepada golongan munafik | - Dakwah |
| 9 | Keliru tentang konsep jihad yang sebenar akibat daripada tindakkan puak pelampau agama di negara-negara lain | - Konsep dan prinsip jihad | - Jihad |
| 10 | Pencercaian dan pergaduhan dalam keluarga | - Pendidikan kekeluargaan Islam
- Kaedah pembangunan kekeluargaan Islam | - Kekeluargaan
- Pembangunan |
| 11 | Pergaduhan dan pertelaghan dalam masyarakat | - Faktor-faktor keruntuhannya masyarakat | - Kemasyarakatan |
| 12 | Cabaran hidup dalam masyarakat pelbagai agama | - Prinsip toleransi beragama | - Kemasyarakatan |
| 13 | Pemimpin yang tidak beramanah dan tidak menepati janji | - Kepimpinan khalifah Islam
- Konsep kepimpinan | - Kepimpinan |
| 14 | Keruntuhannya akhlak dalam kalangan remaja, seperti melepak, memukul, mencuri dan melawan guru | - Pembangunan akhlak remaja | - Akhlak
- Pembangunan |
| 15 | Timbul banyak penyakit, seperti darah tinggi, kencing manis dan jantung | - Gaya hidup sihat | - Kesihatan |

16	Cabaran berpolitik dalam masyarakat majmuk	- Kaedah kerjasama politik dengan golongan bukan Islam	- Politik
----	--	--	-----------

Jadual 6 menunjukkan kesesuaian antara isu dan tema kajian dengan realiti atau masalah yang berlaku dalam kehidupan masyarakat. Secara tidak langsung, hal ini mempamerkan bahawa faktor realiti atau masalah yang berlaku dalam masyarakat inilah yang mendorong seseorang pengkaji itu mengkaji al-Quran secara tafsir al-mawdu'iy. Dalam perkataan lain, mereka cuba menyelesaikan segala masalah yang berlaku dalam masyarakat berdasarkan al-Quran. Sebenarnya hal ini selari dengan matlamat kajian tafsir al-mawdu'iy itu sendiri sebagai wadah dalam memberikan perspektif al-Quran terhadap isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat.

Kesimpulan

Berdasarkan keseluruhan perbincangan dalam makalah ini, didapati kajian al-Quran secara tafsir al-Mawdu'iy di Malaysia dilakukan dalam empat bentuk. Pertama, berasaskan sesuatu istilah. Kedua, berasaskan sesuatu tema. Ketiga, berasaskan sesuatu tema atau objektif sesebuah surah; dan keempat, berasaskan tema dalam al-Quran dan hadis (secara gabungan). Bentuk pertama hingga ketiga adalah menyamai ketiga-tiga bentuk kajian tafsir al-mawdu'iy yang dikemukakan oleh para ulama tafsir sebelum ini. Manakala bentuk yang keempat pula tidak diketengahkan pun oleh para ulama tafsir itu.

Meskipun begitu, ia masih termasuk dalam bentuk kajian tafsir al-mawdu'iy, namun ia bukan secara hakiki. Ini kerana ia menggabungkan kajian tafsir al-mawdu'iy dengan hadis al-mawdu'iy secara serentak. Sebaik-baiknya dipisahkan antara kajian tafsir al-mawdu'iy dengan kajian hadis al-mawdu'iy. Ini bagi membolehkan sesuatu perbincangan dalam al-Quran atau hadis itu lebih terfokus dan dibuat secara terperinci dan mendalam.

Selain daripada bentuk-bentuk kajian tafsir al-mawdu'iy ini, terdapat pelbagai isu dan tema yang dikaji orang secara khusus. Ia cukup penting dan bersesuaian dengan realiti kehidupan masyarakat di Malaysia. Dalam perkataan lain, isu-isu dan tema-tema yang dipilih oleh para pengkaji itu adalah yang ada hubung kait dengan kehidupan masyarakat. Secara tidak langsung, hal ini mempamerkan bahawa kebanyakan kajian tafsir al-mawdu'iy yang dilakukan di Malaysia adalah penting dalam menyelesaikan segala masalah yang berlaku dalam kehidupan masyarakat.

Akhir sekali, kajian al-Quran secara tafsir al-mawdu'iy di Malaysia patut dikembang dan diteruskan lagi. Pandangan penulis ini adalah berdasarkan kurangnya kajian-kajian tentang al-Quran secara tafsir al-mawdu'iy ini. Setakat yang ditemui, hanya 73 buah kajian tafsir al-mawdu'iy yang dihasilkan di Malaysia. Daripada 73 buah kajian itu, 3 buah kajian sahaja yang dihasilkan di peringkat Ph.D, manakala 62 buah kajian lagi dibuat di peringkat Ijazah Sarjana. Bakinya adalah makalah-makalah berkaitan kajian tafsir al-mawdu'iy yang diterbitkan dalam jurnal-jurnal akademik, seperti *Jurnal Al-Islamiyyat* (FPI) dan *Jurnal Al-Bayan* (API), iaitu sebanyak 8 buah.

Rujukan

- Abu Talib, Masmu‘ Ahmad, 1986, *Al-Manhaj al-Mawdu‘iy fi al-Tafsir*, Kaherah: Dar al-Taba‘at al-Muhammadiyyat.
- Al-‘Akk, Khalid ‘Abd al-Rahman, 1994, *Usul al-Tafsir wa Qawa‘iduh*, Beirut: Dar al-Nafa‘is.
- Al-Alma‘iy, Zahir ‘Awwad, 1983, *Dirasat fi al-Tafsir al-Mawdu‘iy li al-Quran al-Karim*, Riyad: Jami‘at al-Imam Muhammad Sa‘ud al-Islamiyyat.
- Al-Daghamin, Ziyad Khalil Muhammad, 1995, *Manhajiyat al-Baith fi al-Tafsir al-Mawdu‘iy li al-Quran al-Karim*, ‘Amman: Dar al-Basyir.
- Al-Dhahabiy, Muhammad Husayn, 1992, *Al-Tafsir wa al-Mufassirun*, Jil. 1, Kaherah: Maktabat al-Wahbat.
- Al-Dhahabiy, Muhammad Husayn, 2005, *Buhuth fi ‘Ulum al-Tafsir wa al-Fiqh wa al-Da‘wat*, Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Farmawiy, ‘Abd al-Hayy, 1976, *Al-Bidayat fi al-Tafsir al-Mawdu‘iy*, Kaherah: Al-Hadarat al-‘Arabiyyat.
- Al-Fayruz‘abadiy, Majd al-Din Muhammad bin Ya‘qub bin Muhammad bin Ibrahim al-Syiraziy al-Syafi‘iy, 1995, *Al-Qamus al-Muhit*, Jil. 2, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyat.
- Al-Ghazaliy, Muhammad, 1996, *Nahw Tafsir Mawdu‘iy li Suwar al-Quran al-Karim*, Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Al-Khalidiy, Salah ‘Abd al-Fattah, 2001, *Al-Tafsir al-Mawdu‘iy Bayn al-Nazariyyat wa al-Tatbiq Dirasat Nazariyyat wa Tatbiqiyyat Murafaqat bi Namazij wa Lata’if al-Tafsir*, ‘Amman: Dar al-Nafa‘is.
- Al-Masawiy, Muhammad al-Tahir, 2007, The Meaning and Scope of al-Tafsir al-Mawdu‘i, Acomparative Historical Analysis, Dlm. al-Khayr Abadi, Muhammad Abu Laith & Khan, Israr Ahmad, (pnyt.), *Mu’tamar Alamiy ‘an Manahij Tafsir al-Quran al-Karim wa Syarh al-Hadith al-Syarif*, Kuala Lumpur: Dar al-Tajdid li al-Taba‘ah wa al-Nasyr wa al-Tarjamah.
- Al-Qattan, Manna‘ Khalil, 1993, *Mabahith fi ‘Ulum al-Quran*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Rabi‘iy, Ihsan Musa Hasan, 2007, Al-manahij wa al-ihtammamat al-tafsiriyyat wa atharaha fi fahm al-Quran al-karim, *Jurnal Pengajian Islam*, Januari (2): 229-254.
- Al-Sabbuniy, Muhammad ‘Ali, 1981, *Al-Tibyan fi ‘Ulum al-Quran*, Beirut: Mu’assasat Manahil al-‘Irfan.
- Al-Sadr, Muhammad Baqir, 1992, *Pedoman Tafsir Moden*, terj. Hidayaturakhman, Jakarta: Penerbit Risalah Masa.
- Al-Suyutiyy, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman, 1988, *Al-Itqan fi ‘Ulum al-Quran*, Jil. 4, Beirut: Al-Maktabat al-‘Asriyyah.
- Al-Zarkasyiy, Badr al-Din Muhammad bin ‘Abd Allah, 1988, *Al-Burhan fi ‘Ulum al-Quran*, Jil. 1, Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Zarqaniy, Muhammad ‘Abd ‘Azim, 1988, *Manahil al-‘Irfan fi Ulum al-Quran*, Jil. 2, Beirut: Dar al-Fikr.

- Al-Zawiyy, al-Tahir Ahmad, 1970, *Tartib al-Qamus al-Muhit 'ala Tariqat al-Misbah al-Munir wa Asas al-Balaghat*, Jil. 4, Kaherah: Dar al-Fikr.
- Andi Rosadisastra, 2007, *Metode Tafsir Ayat-Ayat Sains dan Sosial*, Jakarta: Penerbit AMZAH.
- Gabungan Mahasiswa Fakulti Pengajian Islam, 2009, *Sejarah Penubuhan Fakulti Pengajian Islam*, diakses dari <http://kerajaanfpi.blogspot.com/2009/09/sejarah-penubuhan-fakulti-pengajian.html>, pada 27 Jun 2010.
- Ibn 'Asyur, Muhammad Tahir, 1984, *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*, Jil. 1, Tunis: Al-Dar al-Tunisiyyat li al-Nasyr.
- Ibn Manzur, Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukram al-Afriqiyy al-Misriyy, 1994, *Lisan al-'Arab*, Jil. 5, Beirut: Dar Sadir.
- Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, 2010, *Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan I*. Diakses dari <http://seminar-pemikiran-islam.blogspot.com/>, pada 27 Jun 2010.
- M. Quraish Shihab, 1996, *Wawasan Al-Quran, Tafsir Maudhu'i Atas Pelbagai Persoalan Umat*, Bandung: Penerbit Mizan.
- M. Quraish Shihab, 2009, *Membumikan Al-Quran, Fungsi dan Peranan Wahyu Dalam Kehidupan Masyarakat*, Bandung: Penerbit Mizan.
- M. Quraish Shihab et. al., 1999, *Sejarah Ulum Al-Quran*, Dr. Azyumardi Azra, Jakarta: Penerbit Pustaka Firdaus.
- Mahmud Saedon Awang Othman, 1994, Penyelewengan Tafsir, *Seminar Kebangsaan Al-Quran dan Isu-Isu Semasa*, anjuran Jabatan Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, dengan kerjasama Cawangan Penyelaras dan Pembangunan Pendidikan Islam, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, pada 5-6 Februari.
- Muslim, Mustafa, 1997, *Mabahith fi al-Tafsir al-Mawdu'i*, Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Mustafa, Ibrahim. et. al., 1972, *Al-Mu'jam al-Wasit*, Jil. 2, Turki: Al-Maktabat al-Islamiyyat.
- Sabtan, Muhammad Hasan, 1997, *Siraj al-Talibin fi Manahij al-Mufassirin*, Kaherah: Kulliyat Usul al-Din.
- Saeed, Abdullah, 2008, *The Qur'an An Introduction*, London: Routledge.
- Sa'id, 'Abd al-Sattar Fath Allah, 1991, *Al-Madkhal ila al-Tafsir al-Mawdu'i*, Kaherah: Dar al-Tawzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyat.
- Zulkifli Mohd Yusoff, 2003, Tafsir Al-Mawdu'i, Kajian Pensejarahan, *Jurnal Al-Bayan*, Mei (1): 27-41.

MOHD SHUKRI HANAPI
Felo Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (RLKA)
Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang
Tel: 04-6532910 Faks: 04-6532124
E-mel: hshukeri@yahoo.com atau hshukeri@gmail.com